

## PELAKSANAAN KURIKULUM STANDARD PRASEKOLAH KEBANGSAAN SEMAKAN 2017: RETROSPEKSI GURU

\* Mohd Nazri Abdul Rahman  
Wan Nurul Baizura Wan Mohamad Noor  
Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya  
\*eiy.nazri@gmail.com

### ABSTRACT

The study is aimed at exploring the impact of changes in National Standard Preschool Curriculum (NSPC) of Malaysia on preschool teachers. The curriculum has been implemented since 2017 for all preschools under Ministry of Education (MOE.) For this study, in-depth interviews with selected preschool teachers, observations, and analysis of documents were conducted to gain insightful data. The Preschool teachers and documents/memorabilia are the main sources of data collection. Observations during the survey were conducted and analysis of documents was conducted to support the interviews. The interviews have been transcribed in verbatim and conclusions were made based on analysis of the themes. The findings show the attitude of teachers is either optimistic or pessimist on the implementation of the revised KSPK 2017. Also, the absence of clear information for standard assessment of students, lack of teaching aids, has increased the burden and misconceptions of an effective implementation of the revised curriculum. In short, the findings of this study serve as stepping stone to further investigate on preschool teacher practices of the newly revised KSPK. The findings suggest related parties to prepare early intervention service to resolve arising issues and provide collaborative support to preschool teachers in executing the new revised curriculum.

**Keywords:** National Standard Preschool Curriculum, preschool teachers

### PENGENALAN

Keberkesanan pelaksanaan kurikulum pendidikan bergantung kepada kefahaman serta kompetensi guru iaitu pelaksanaannya di sekolah (Ramli Abd Samat, 2011; Rosmah Abd. Ghani & Mariani Md Nor, 2014). Sehubungan dengan itu, proses pengkajian, pengubahsuaian, perubahan dan penambahbaikan terhadap kurikulum sentiasa berlaku mengikut keperluan serta memenuhi kehendak semasa dalam dunia pendidikan (Suriana Ismail, 2012). Di Malaysia, seiring dengan perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan global, maka Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) turut mengalami perubahan demi perubahan. KSPK semakan 2017 mula dilaksanakan di semua prasekolah dan tadika pada Januari 2017. Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) semakan 2017 sejajar dengan usaha untuk mutu pendidikan awal kanak-kanak selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Penambahbaikan demi penambahbaikan terhadap kurikulum prasekolah kebangsaan telah dibuat bermula dengan pengenalan Garis Kurikulum Prasekolah Malaysia, 1986 sehinggalah KSPK Semakan 2010. Perubahan ini adalah bagi memastikan kualiti kurikulum prasekolah negara standing standard prasekolah antarabangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Bagi mendepani isu dan cabaran pendidikan global, maka Kurikulum Prasekolah Kebangsaan yang pertama telah dilaksanakan pada tahun 2003. Seterusnya melalui proses semakan kurikulum pada tahun 2010. Pada tahun 2017, sekali lagi kurikulum prasekolah mengalami perubahan menerusi pelaksanaan KSPK Semakan 2017 yang

telah dikuatkuasakan kepada semua prasekolah kebangsaan dan tadika. Rasional semakan kurikulum ini adalah untuk memastikan kurikulum yang holistik, mengikut keperluan semasa serta ada kesinambungan dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Persoalannya, sejauh mana reaksi guru untuk menerima dan melaksanakan perubahan demi perubahan khususnya pelaksanaan kurikulum dalam bilik darjah? Adakah perubahan hanya berlalu dalam bentuk dokumentasi dan tidak kepada pelaksanaan dan amalan pengajaran guru? Ini kerana, sekiranya guru yang menjadi penggerak utama perubahan ini tidak memainkan peranan yang berkesan dengan penglibatan dan komitmen secara proaktif, usaha dan tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merealisasikan falsafah pendidikan negara akan terbantut (Suriana Ismail, 2012; Habib Mat Som dan Syed Kamaruzaman Syed Ali, 2011). Laporan Jabatan Pelajaran Johor, 2011 mendapati guru perlu mempunyai pemahaman dan penghayatan yang tinggi dalam melaksanakan kurikulum dalam pengajaran di bilik darjah yang diterjemahkan melalui kepercayaan, nilai dan sikap guru. Ini turut dibuktikan oleh kajian Nur Athirah Ariffin dan Faridah Yunus (2017) yang mendapati implementasi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran murid-murid prasekolah bergantung sepenuhnya kepada kesediaan guru Prasekolah dalam menerapkan KBAT dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Tambah membimbangkan, Laporan Pemeriksaan Khas Pendidikan Prasekolah Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 mendapati masih terdapat guru prasekolah yang tidak melaksanakan kurikulum sebagaimana yang diharapkan oleh kurikulum KSPK. Setelah lima tahun perlaksanaan KSPK 2010, masih terdapat sebilangan guru yang gagal untuk menyampaikan isi kandungan pengajaran serta pedagogi yang seperti disarankan oleh KSPK Semakan 2010 (Chee et.al. 2015). Dapatkan ini secara tidak langsung menjelaskan hasrat dan aspirasi pendidikan KPM untuk memastikan kurikulum yang dilaksanakan di prasekolah dapat memperkembangkan potensi kanak-kanak secara holistik. Maka, adalah penting untuk meneroka pelaksanaan kurikulum KSPK Semakan 2017 yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 bagi tujuan penambahbaikan dan meningkatkan penghayatan dan pemahaman guru. Selain itu juga, perubahan sesuatu dasar atau aktiviti pengajaran dan pembelajaran pastinya akan menimbulkan stress dan beban tugas dalam kalangan guru. Maka, proses adaptasi untuk menyesuaikan diri dengan rutin yang baru khususnya mengadaptasi kurikulum yang baru juga perlu diberi penekanan sewajarnya oleh pelbagai pihak.

## PERNYATAAN MASALAH

Akta Pendidikan 1996 secara tidak langsung telah memperkasa dan memartabatkan pendidikan prasekolah sebagai salah satu pendidikan formal kepada kanak-kanak dengan memasukkannya ke dalam sistem pendidikan kebangsaan. Mendepani cabaran pendidikan global, pendidikan prasekolah terus mendapat perhatian oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi salah satu *sub-National Key Result Area* (NKRA). Secara tidak langsung, menunjukkan bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah penting dalam memastikan kelangsungan generasi masa depan negara. Pendidikan Prasekolah antara lain bertujuan untuk memperkembangkan potensi diri kanak-kanak selain persediaan masuk ke sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Bermulanya dari pelaksanaan Buku Panduan Prasekolah Malaysia pada tahun 1986, diikuti dengan pengenalan Garis Panduan Kurikulum Pendidikan Prasekolah Malaysia pada tahun 1993. Pengenalan Akta Pendidikan 1996, turut memberi impak positif terhadap perkembangan kurikulum prasekolah di Malaysia. Pada tahun 2003, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK) berkuatkuasa dan dilaksanakan secara meluas di prasekolah kebangsaan, tadika agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan. Semakan pertama terhadap kurikulum standard ini dilaksanakan pada tahun 2010 dengan lahirnya Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010 dengan memberi penekanan kepada memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh

dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Bermula tahun 2016, semakan kedua terhadap kurikulum prasekolah telah dijalankan, maka lahirlah Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017. Perubahan dan penambahbaikan terhadap kurikulum terus dilaksanakan dari semasa ke semasa, namun timbul isu berkaitan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Persoalannya, bagaimana pelaksanaan Kurikulum Semakan 2017 dilaksanakan dalam bilik darjah oleh guru? Adakah ia memenuhi aspirasi dan hasrat kurikulum tersebut?

Laporan Pemeriksaan Khas Pendidikan Prasekolah Jemaah Nazir Jalinan Kualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) mendapati guru prasekolah masih gagal melaksanakan kurikulum prasekolah seperti yang digariskan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, 2010. Selain itu, beberapa isu turut dikenal pasti dalam laporan ini antaranya kegagalan guru prasekolah membuat perancangan seperti yang digariskan dalam KSPK 2010; peruntukan waktu pengajaran dan pembelajaran yang tidak menepati kehendak KSPK, 2010; guru tidak mempunyai kompetensi untuk menjalankan pentaksiran murid dan penguasaan isi kandungan KSPK 2010 oleh guru adalah rendah. Kajian oleh Jain Chee, (2017) juga menunjukkan bahawa guru prasekolah tidak melaksanakan kurikulum KSPK 2010 kerana kurang jelas dan tidak menguasi kandungan terhadap kurikulum itu sendiri.

Meskipun terdapatanyak kajian ilmiah kajian dalam negara yang dijalankan terhadap pendidikan prasekolah, masih terdapat lompong dalam kajian lalu yang perlu diisi melalui kajian ini. Ini kerana kajian-kajian lepas mengkaji berkaitan keberkesanan pelaksanaan pengajaran oleh guru prasekolah (Berahim Hassan, Md. Nasir Ibrahim, Mohd Zaihidee Arshad & Jamilah Omar, 2003), kesediaan Guru melaksanakan Kurikulum (Nooraini Abdul Rahim & Abdul Halim Abdullah, 2017); Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim, 2012; Tay Meng Guat, Kirar anak kepada Sare & Litat Bilung(2015); Dayana Farzeha Ali, Cheng Lee Yee & Mohd Nur Khafiz, Husin (2014); Kamaruzaman et al., 2011), tahap pengetahuan dan keprihatinan guru-guru terhadap pelaksanaan Kurikulum (Kang Mu Hui & Lim Hooi Lian, 2015) dan profil amalan guru dalam pelaksanaan kurikulum.

Berdasarkan kepada isu dan implikasi jangka panjang pelaksanaan KSPK Semakan 2017, kajian ini perlu dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan berterusan. Ini kerana KSPK Semakan 2017 baru dilaksanakan setahun maka, kajian ini amat sangat sesuai untuk meneroka isu dan cabaran guru dalam melaksanakan kurikulum baru ini. Selain dapat menambahbaik serta mengambil tindakan segera untuk memenuhi kehendak kurikulum kebangsaan dari perspektif guru sebagai agen pelaksana kurikulum.

## **LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini hanya berfokus kepada guru prasekolah KPM di daerah Johor Bharu, Johor yang telah menghadiri taklimat berkaitan dengan pelaksanaan dan telah melaksanakan KSPK semakan 2017. Kajian ini juga hanya menggunakan beberapa orang guru yang ditemui bual kerana kaedah kajian adalah berbentuk kualitatif yang menggunakan sampel bertujuan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan KSPK semakan 2017 di peringkat dasar iaitu dalam kalangan guru prasekolah dalam aspek perancangan, penyampaian, pentaksiran serta isu dan cabaran yang dihadapi bagi menambahbaik pelaksanaannya pada masa depan. Justeru, kajian ini berfokus kepada refleksi guru prasekolah KPM terhadap pengalaman mereka setelah melaksanakan KSPK semakan 2017. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian adalah:

“Apakah restrospeksi guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017?”

## TINJAUAN LITERATUR

Pendidikan prasekolah di Malaysia merupakan program pendidikan kepada kanak-kanak yang berumur 4-6 tahun. Tujuan utama program pendidikan Prasekolah antara lain menyediakan peluang pembelajaran kepada kanak-kanak sebelum mendapat pendidikan formal di memasuki Tahun Satu. Kualiti pengajaran dan pembelajaran pendidikan prasekolah amat bergantung kepada kualiti guru dan kurikulum yang digunakan. Maka, dalam pelaksanaan kurikulum prasekolah, guru perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran berkaitan perkembangan kanak-kanak pada pelbagai peringkat umur. Ini amat penting bagi memastikan guru berkeupayaan untuk mengubahsuai kurikulum mengikuti kesesuaian peringkat umur, kemampuan, kebolehan dan minat kanak-kanak (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010).

### *Pendidikan Prasekolah Di Malaysia*

Sejarah pendidikan prasekolah di Malaysia bermula dalam tahun 1970an yang dikenali sebagai *kindergarten* atau tadika yang dikendalikan oleh agensi kerajaan seperti KEMAS, Badan Bukan Kerajaan dan pihak swasta. Pada tahun 1986, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Buku Panduan Prasekolah Malaysia iaitu Huraian Garis Panduan Kurikulum, 1996 bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan program pendidikan prasekolah di Malaysia.

Akta Pendidikan 1996 telah memperuntukkan bahawa Sistem Pendidikan Kebangsaan bermula daripada Pendidikan Prasekolah. Menurut akta ini, penyediaan kurikulum yang standarad hendaklah digunakan di semua prasekolah kebangsaan bagi memastikan perkembangan pengetahuan, kemahiran dan nilai diperoleh oleh kanak-kanak di akhir tempoh pendidikan prasekolah. Maka, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi perhatian terhadap pembangunan pendidikan prasekolah khususnya dalam penyediaan kurikulum, guru serta prasarana prasekolah.

Pada tahun 2003, surat pekeliling Ikhtisas Bil. 15/2002, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan bahawa Kurikulum Prasekolah Kebangsaan digunakan di prasekolah kerajaan dan tadika swasta. Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK, 2003) bermatlamat untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Semakan terhadap Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan telah dilaksanakan pada tahun 2010 dan 2017 bagi memenuhi keperluan semasa dan selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.

### *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017*

Mengikut Surat Pekeling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 7 tahun 2016 bertajuk Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017):

*Pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyarankan KSPK yang dilaksanakan pada tahun 2010 disemak semula dengan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti pemikiran kritis, kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, dan kepimpinan unutk membolehkan murid bersaing di peringkat global. (Surat Pekeling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 7/2016: 1)*

Terdapat beberapa perubahan yang ketara dalam KSPK semakan 2017 antaranya adalah penggunaan bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar yang diperincikan dengan lebih jelas pembahagiannya serta keperluan aktiviti luar yang merangkumi aktiviti fizikal dan bermain bebas.

Selain itu, pembelajaran bersepada diintegrasikan dalam aktiviti rutin iaitu dalam perbualan awal, semasa rehat dan semasa penutup serta sepanjang proses pembelajaran.

Para guru juga digalak mewujudkan dan mengoptimumkan penggunaan pusat pembelajaran yang akan memberi peluang kepada murid untuk membina pengetahuan dan kemahiran secara kendiri. Ruang ini hendaklah dilengkapi dengan bahan dan peralatan pembelajaran bagi aktiviti berstruktur atau aktiviti bebas.

### ***Kajian-kajian Lepas***

Terdapat beberapa kajian yang memberi perhatian khusus terhadap perlaksanaan kurikulum prasekolah di Malaysia. Antaranya kajian Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, 2011; Jabatan Pelajaran Johor (2011) yang mengkaji berkaitan faktor penghalang dan pendorong bagi guru-guru dalam pelaksanaan perubahan pendidikan. Ini kerana Setiap guru berbeza-beza latar belakang kemahirannya, pengetahuannya, pengalaman silamnya dan psikologinya. Maka, perubahan kurikulum memerlukannya menyesuaikan banyak perkara sebelum, semasa dan selepas proses Pdp dijalankan.

Selain itu, kompetensi guru dalam melaksanakan sesuatu kurikulum yang dirancang meliputi sikap guru, pengetahuan dan kemahiran yang menentukan kejayaan sesuatu kurikulum. Menurut Jabatan Pelajaran Johor, (2011) kejayaan atau kegagalan penyebaran kurikulum (baru atau sedia ada) dipengaruhi oleh sikap guru terhadap kurikulum dan pengajaran. Kajian oleh Suriana Ismail (2012) mendapati perubahan sesebuah kurikulum menyebabkan beban kerja guru semakin meningkat. Beliau menyatakan stress yang dialami akan memberi kesan negatif kepada tingkah laku guru. Maka, sekiranya berlaku perubahan kurikulum yang kerap secara tidak langsung akan menimbulkan masalah di kalangan guru.

Manakala kajian Habib Mat Som dan Syed Kamaruzaman Syed Ali (2011) pula memberi tumpuan kepada tiga faktor utama iaitu (a) faktor motivasi, (b) faktor sikap, dan (c) faktor kemahiran dan pengetahuan guru yang menjadi faktor yang memberi kesan terhadap kesediaan guru. Selain itu, mereka menyenaraikan beberapa faktor lain yang didapati signifikan dalam mempengaruhi kesediaan dan komitmen guru.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk kualitatif. Kaedah ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk meneroka pelaksanaan KSPK semakan 2017 dalam kalangan guru prasekolah. Kajian retrospektif merupakan bentuk kajian yang meninjau kembali pengalaman responden bagi mendapatkan maklumat tentang apa yang telah berlaku satu ketika dahulu bagi menjelaskan situasi kini (Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, & Manisah Mohd Ali, 2008).

### ***Persampelan***

Kajian ini akan menggunakan pensampelan bertujuan atau kriteria, iaitu lokasi dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena utama kajian. Maka, Sampel kajian terdiri daripada 12 orang guru prasekolah KPM. Memandangkan peserta kajian terdiri daripada kumpulan yang sama, maka data telah dikutip dengan menggunakan pendekatan kualitatif pelbagai tempat.

### ***Instrumen Kajian***

Data dikumpul dengan membuat triangulasi kepada kaedah dan sumber. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam, pemerhatian, dan analisis dokumen. Sumber-sumber kepada data merupakan guru prasekolah KPM dan dokumen pengajaran dan pembelajaran. Temu bual

secara separa terbuka telah dijalankan dengan guru prasekolah KPM terlibat. Soalan-soalan temu bual secara separa terbuka ini dipilih untuk mengetahui restrospeksi guru terhadap perlaksanaan KSPK semakan 2017. Ia didapati sesuai dengan keadaan yang dialami di sekolah dan boleh digunakan untuk meneroka pelaksanaan KSPK 2017 oleh guru di prasekolah. Kaedah temu bual digunakan kerana pengkaji dapat meneroka pengalaman sebenar bersifat individu dan peribadi yang telah dilalui oleh para guru dan cuba memahami makna yang diberikan terhadap pengalaman tersebut (Shahrul Arba'iah Othman et al., 2008). Temu bual juga dapat memberikan data tentang buah pemikiran, apa yang diingati, sikap, perasaan dan sebagainya yang telah dilalui oleh para responden dalam pelaksanaan KSPK Semakan 2017.

### ***Analisis Data***

Hasil temu bual telah dibuat trankripsi secara verbatim. Dalam proses membaca dan menanda transkrip, petikan-petikan temubual yang menarik telah dilabel dengan tajuk-tajuk tertentu. Tajuk-tajuk yang sama atau hampir sama dikelompokkan dan diberi kod-kod tertentu dan dikategorikan. Setelah semua proses mengekod kategori selesai, kategori-kategori yang mempunyai hubungan telah diletakkan dalam kategori yang lebih luas untuk membentuk tema. Tema ditentukan kepada data tersebut berdasarkan tujuan kajian dengan mengambil kira tentang kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul untuk membentuk kesimpulan berdasarkan analisis tema.

Data lain yang menyokong atau mengukuhkan pandangan guru prasekolah ini telah diperoleh secara pemerhatian pelaksanaan kurikulum sewaktu kajian tinjauan dijalankan sendiri oleh penyelidik dan analisis dokumen yang berkaitan. Langkah pengekodan tema turut dilakukan terhadap catatan pemerhatian pengkaji dan analisis dokumen yang dibuat.

### **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan analisis data daripada temu bual 12 orang guru prasekolah, catatan pemerhatian pengkaji dan dokumen analisis tentang restrospeksi guru prasekolah terhadap pelaksanaan KSPK semakan 2017 dipersembahkan mengikut soalan kajian berikut:

“Apakah restrospeksi guru terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017?”

#### ***Dapatan Kajian: Restrospeksi Guru dan Murid Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017***

Analisis temubual dengan 12 orang guru prasekolah mendapati sebahagian besar iaitu 10 orang guru prasekolah menerima baik perubahan yang dilakukan dalam kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Semakan 2017. Analisis dapatan menunjukkan terdapat empat elemen yang mempengaruhi penerimaan atau penolakan guru prasekolah terhadap pelaksanaan KSPK Semakan 2017 iaitu sikap guru prasekolah, tekanan dan harapan pentadbir, kekurangan kelengkapan bahan bantu mengajar dan kekaburuan konsep pentaksiran murid dalam KSPK Semakan 2017.

#### ***Sikap Guru Prasekolah terhadap Pelaksanaan KSPK Semakan 2017***

Analisis menunjukkan semua guru prasekolah yang ditemubual menerima secara positif perubahan dalam KSPK semakan 2017. Ini kerana mereka merasakan kurikulum semakan ini amat penting untuk perkembangan murid-murid prasekolah di bawah seliaan mereka. Semua guru prasekolah yang ditemubual menyatakan bahawa kurikulum semakan 2017 ini banyak meraikan hak murid-murid yang masih kecil untuk bermain dan bersosial. Kenyataan berikut yang dibuat oleh Guru A menggambarkan hal ini.

“...Murid lebih banyak peluang utk meneroka melalui bermain...” (Guru A; T1:110)

Seorang guru yang lain, Guru B, pula menyatakan,

“...Murid suka sebab banyak pergerakan, aktiviti kumpulan, interaksi, main secara bebas dapat pupuk semangat kerjasama, bina leadership, dan takde *sleeping partners* ...” (Guru B; T3:20)

Manakala Guru C pula seronok dan gembira dengan perubahan baru dalam KSPK Semakan 2017. Beliau menyatakan bahawa kurikulum baru ini mesra kanak-kanak dan memberi lebih peluang kepada guru untuk melaksanakan pelbagai aktiviti kreatif bersama murid-murid.

“Saya sangat gembira dan seronok untuk mengajar menggunakan kurikulum baru ini. Kurikulum baru ini banyak memberi **peluang kepada guru untuk melaksanakan pelbagai aktiviti dan memberi ruang yang lebih untuk murid bermain**. Ini memang sesuai la dengan jiwa kanak-kanak ...” (Guru C; T6: 30-35)

#### ***Kekurangan Kelengkapan Alat Bantu Mengajar***

Analisis temubual juga mendapati kesemua peserta kajian bersetuju bahawa kelengkapan bahan bantu mengajar amat penting untuk menjadikan PdP lebih berkesan dan menarik minat murid dalam melaksanakan KSPK Semakan 2017. Kenyataan berikut yang dibuat oleh seorang guru (Guru I) menggambarkan hal ini.

“Seronok laksanakan kurikulum baru ini cuma **bahan bantu mengajar** kena sedia banyak.” (Guru 1; T1:27)

Selain itu, peserta kajian juga turut mengaitkan dengan isu peralatan yang disediakan oleh KPM dahulu telah rosak, tidak dapat digunakan serta lusuh. Malahan ada bahan-bahan ini mengambil ruangan yang terlalu besar dan tidak dapat digunakan sepenuhnya. Antara pandangannya:

“...**kekangan ruang** (kekurangan/ketiadaan ruang yang sesuai untuk melaksanakan aktiviti). susun atur alatan mcm kerusi meja mengganggu...” (Guru H; T2:30-33)

“...**Kekurangan bahan** untuk sediakan bahan bantu belajar kepada semua murid, boleh *share* tapi bila tunggu murid bosan. Perlu bekalkan bahan yang lebih banyak kepada sekolah contohnya barang mainan untuk murid bermain dan belajar seperti yang disarankan dalam KSPK Semakan 2017...” (Guru J; T5:20-22)

“...**Kerja cikgu dan PPM bertambah** untuk rancang dan sediakan bahan pengajaran... Bahan Bantu Belajar pastu kena kemas balik sumer.” (Guru K; 11-12)

#### ***Kekeliruan Berkaitan Standard Pentaksiran Murid***

Isu pentaksiran murid yang tidak standard turut menjadi perhatian dalam pelaksanaan KSPK Semakan 2017. Beberapa peserta kajian menyatakan bahawa :-

“...Rancangan Pengajaran Harian **setiap guru tidak sama** kerana tidak terikat dengan tema pembelajaran atau projek itu yang menjadikan **penilaian dan pentaksiran tidak sama...**” (Guru A; T1: 15-17)

“...**Penilaian tidak tekal** sebab semua bergantung kepada kompetensi guru.jadi **penilaian kita tidak sama** dengan guru lain...” (Guru E; T3:12-13)

“...Pentaksiran yang sama untuk semua prasekolah diperlukan...” (Guru D; T1:10)

“Tak pasti cam mana bentuk pentaksiran yang perlu dibuat oleh guru apabila murid menjalankan projek atau kerja kumpulan... ikut kaedah dulu je la” (Guru F; T2:18-19)

### ***Beban Tugas Guru Bertambah***

Peserta kajian turut menyatakan bahawa bebanan tugas guru prasekolah semakin bertambah setelah KSPK semakan 2017 dilaksanakan. Tambahan pula pertambahan aktiviti yang disarankan dalam KSPK Semakan 2017 turut menyebabkan kawalan kelas sedikit mencabar disamping kekurangan bahan bantu mengajar. Berikut beberapa dapatan kajian hasil temubual yang dijalankan:

“...Bila banyak aktiviti, **kawalan kelas agak sukar**. Guru perlu cari strategi untuk kawal kelas...” (Guru F; T3:30-31)

“..**bahan bantu belajar** kena sedia **banyak dan pelbagai bentuk** mengikut kesesuaian ruang dan hasil pembelajaran. Lebih-lebih lagi untuk aktiviti main bebas..” (Guru B; T1:18-20)

“...**Kerja cikgu dan PPM semakin bertambah-tambah**... kena sediakan Rancangan Pengajaran Harian lepas tu buat Bahan Bantu Belajar, lepas mengajar kena kemas balik. Pilih dan tampal hasil kerja pelajar kat ruang pameran, susun semula bahan bantu mengajar yang digunakan murid-murid, kalu rosak, baiki dan baru boleh simpan. Makin banyak laa keje..” (Guru E; T1:22-24)

“...Perlu **bekalkan bahan yang lebih banyak** kepada sek contohnya barang mainan untuk murid bermain dan belajar kerana bila BBB semakin lengkap, **bebanan kerja akan berkurangan, menjadikan guru dan ppm kurang stress sangat..**” (Guru J)

“.. selalu terpaksa balik pukul 3 atau 4 petang sebab **nak semak, buat penilaian murid kemudian rancang pengajaran untuk esok, sedia bahan...** banyak laa lagi” (Guru K; T2:8-10)

### ***Salah Faham Konsep Fokus PdPc KSPK Semakan 2017 oleh pentadbir dan ibu bapa***

Peserta kajian juga turut berkongsi isu salah faham serta pemasalahan yang timbul terhadap fokus PdP yang sepatutnya berlaku dalam melaksanakan KSPK Semakan 2017. Kesemua peserta kajian telah menghadiri kursus penataran KSPK Semakan 2017. Maka, sebahagian besar guru prasekolah jelas matlamat KSPK semakan 2017 yang melengkapi fitrah bermain bagi murid-murid kecil berumur 4 hingga 6 tahun. Namun, terdapat segelintir pentadbir sekolah dan ibu bapa yang lebih cenderung terhadap pencapaian akademik. Tekanan pentadbir dan ibu bapa terhadap PdPc ke arah menyediakan murid-murid prasekolah untuk tidak tersenari sebagai murid LINUS dalam Saringan Satu LINUS di tahun 1 menjadikan sebahagian besar pelaksanaan KSPK Semakan 2017 tersasar daripada matlamat asal. Berikut adalah pernyataan-pernyataan berkaitan perkara ini:

Temubual dengan Guru D menunjukkan bahawa belia lebih memberi penekanan kepada PdPc kemahiran membaca, menulis berbanding bermain:

“...Insyallah, yang penting target kita murid seronok ke sekolah. Bila seronok ke sekolah, belajar pun seronok. Tak banyak sedikit murid mesti dapat. Murid 5 hingga 6 tahun perlu diberikan peluang untuk mereka bermain dan meneroka. **Bukan hanya duduk di dalam kelas, menghadap buku dan memegang pensel.** Tp disebabkan target sifar LINUS, guru jadi macam huru hara gitu. Ajar laaa ABC, tulis. main kalu sempat bagi laa... kesian jugak kat budak...” (Guru D; T1:28-34)

“...paling tertekan bila Guru Besar nakkan 100% sifar LINUS tetapi kita tahu kita ada banyak keutamaan mengajar murid dari segi membetulkan *attitude*, moral, mengajarkan peraturan sekolah, cara bersosial...cara pegang pensel pun belum betul untuk pra-tulisan bagi segelintir murid prasekolah...**Guru Besar sendiri tak faham dan tidak peka dengan konsep KSPK yang baru...**” (Guru L; T2:11-15)

“...Apabila target LINUS sifar, **tekanan** jugak sebab guru asyik pikir nak murid dapat buat aktiviti, main, bersosial... balik-balik kena pikir nak pastikan murid sifar linus.” (Guru G; T2: 17-20)  
Oleh kerena isu sifar LINUS ini, ada responden mencadangkan:

“...mungkin perlu lebih pendedahan konsep KSPK semakan 2017 kepada pihak pentadbir, guru-guru aliran perdana yang lain, dan ibu bapa.supaya mereka faham KSPK semakan 2017 adalah pendedahan menyeluruh secara **JERIS** kepada murid-murid bukan hanya berfokus kepada kemahiran 3M (membaca, menulis, mengira) sahaja...” (Guru H; T2:16-20)

## PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, kajian ini menunjukkan realiti sebenar yang sedang dialami oleh para guru prasekolah semasa melaksanakan KSPK semakan 2017 dalam PdPc harian mereka. Berikut adalah perbincangan hasil dapatan kajian berdasarkan soalan kajian yang ingin diterokai:

Sebahagian besar guru prasekolah menerima baik perubahan serta penambahbaikan kurikulum yang dibuat oleh KPM dalam KSPK semakan 2017. Dapatkan menunjukkan guru prasekolah bersikap positif terhadap KSPK Semakan 2017. Ini dintunjukkan oleh guru prasekolah melalui kesediaan dan penerimaan maklumat yang lengkap dan jelas berkaitan perubahan serta penambahbaikan yang terdapat dalam kurikulum baru ini. Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Erma Abu & Kwan Eu, (2014) bahawa sikap yang positif di kalangan guru prasekolah ini dapat melahirkan tindakan yang cemerlang dan berwawasan. Kajian Ramli Abd Samat (2011) menunjukkan bahawa guru yang mempunyai lokus kawalan diri yang positif terhadap kurikulum dan pengajaran mempunyai inisiatif tinggi dan berperanan sebagai “pengusaha” terbaik menyebarkan kurikulum dengan menterjemahkannya dalam pengajaran. Kesediaan guru prasekolah untuk menerima perubahan kurikulum ini merupakan titik utama ke arah memastikan pelaksanaan kurikulum KSPK Semakan 2017 dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Walau bagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil guru yang masih lagi menggunakan pendekatan yang sama seperti yang dilaksanakan dalam KSPK 2010. Tiada perubahan yang dilakukan dari aspek teknik pengajaran. Terdapat guru-guru masih memfokuskan penguasaan membaca dan menulis tanpa membenarkan murid lebih bermain seperti dalam surat siaran pekeliling KSPK semakan 2017 ini pada Disember 2016. Analisis dapatan kajian menunjukkan kekaburuan serta kekeliruan terhadap cara pelaksanaan dan amalan pengajaran sehingga menyebabkan guru kurang bermotivasi untuk melaksanakan KSPK Semakan 2017 adalah punca kepada permasalahan ini. Kajian Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, (2011) menunjukkan bahawa wujudnya pertalian antara faktor dorongan psikologi dengan tahap kesediaaan guru seperti aspek motivasi, tahap kemahiran dan kepuasan kerja yang memberi impak dalam mempengaruhi komitmen guru untuk melaksanakan perubahan. Dalam kajian Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali, 2011) juga menjelaskan bahawa dua asas utama bagi menentukan kejayaan sesuatu perubahan kurikulum adalah peranan pentadbir sekolah memacu perubahan, dan sokongan guru-guru melaksanakan perubahan dengan penuh minat dan bersungguh-sungguh.

Selain itu, kekurangan kelengkapan bahan bantu mengajar juga memberi impak terhadap pelaksanaan kurikulum KSPK Semakan 2017 oleh guru prasekolah. Bagi memastikan matlamat kurikulum KSPK Semakan 2017 direalisasikan adalah penting untuk memperlengkapkan prasarana prasekolah selaras

dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran. Laporan Jabatan Pelajaran Johor (2011) mendapati guru prasekolah yang positif terhadap perubahan kurikulum dan pengajaran memainkan peranan aktif atau “pengusaha” terbaik menjayakan hasrat kurikulum semakan 2017 dengan menterjemahkannya dalam PdPc harian mereka. Sebahagian besar guru berusaha untuk menyediakan bahan bantu mengajar dari pelbagai sumber dan bentuk untuk mengotimumkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Kekaburuan dan kekeliruan guru prasekolah terhadap Standard Pentaksiran Murid perlu diberi perhatian serious oleh pihak KPM dalam memastikan pelaksanaan KSPK Semakan (2017) berjalan dengan lancar. Pihak KPM perlu mengambil inisiatif untuk memantapkan kompetensi guru prasekolah dalam menjalankan bentuk pentaksiran murid melalui penganjuran bengkel, kursus atau penyediaan manual pentaksiran murid untuk kegunaan guru prasekolah. Kajian Erma Binti Abu dan Kwan Eu, (2014) menyatakan bahawa sikap yang positif oleh beberapa responden terhadap pelaksanaan KSPK semakan 2017 menyebabkan guru prasekolah berkenaan cemerlang dalam melaksanakan tugas mereka. Maka, sebilangan besar guru prasekolah telah mengambil sikap proaktif untuk mendapatkan maklumat yang jelas serta tepat berkaitan bentuk pentaksiran murid. Namun, pihak KPM perlu mengambil langkah drastik untuk memperjelaskan dan menyebarluaskan maklumat berkaitan Standard Pentaksiran Murid bagi tujuan penyeragaman pelaksanaannya mengikut KSPK Semakan 2017. Kajian Sukani (2012) mendapati aspek pengetahuan guru-guru prasekolah pendidikan khas tentang pentaksiran murid berdasarkan KSPK 2010 adalah sederhana khususnya dalam mengendalikan pentaksiran mengikut KSPK 2010. Jika situasi yang sama dibiarkan terus berlaku terhadap aspek pentaksiran murid ini, kualiti murid dan guru prasekolah akan merosot kerana ketidakjelasan berkaitan standard pentaksiran yang diselaraskan dalam mentaksir kualiti dan perkembangan murid-murid.

Hasil temubual juga menunjukkan bahawa beban tugas guru prasekolah merupakan isu yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan KSPK Semakan 2017. Selain itu, salah faham konsep Fokus KSPK Semakan oleh pihak pentadbir dan ibu bapa juga merupakan persoalan yang perlu ditangani oleh pihak KPM dalam memastikan pelaksanaan KSPK Semakan 2017 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kajian Suriana Ismail (2012) menyatakan perubahan sesebuah kurikulum menyebabkan beban kerja guru semakin meningkat. Dapatkan menunjukkan sekiranya guru stress akibat transformasi kurikulum, tingkah laku guru boleh menjadi pessimis (negative) terhadap perubahan dalam sistem pendidikan pada masa akan datang (Suriana Ismail, 2012). Justeru guru besar dan guru-guru prasekolah perlu diberi beberapa siri latihan dan bimbingan secara berterusan untuk memastikan pemahaman serta kamahiran guru untuk pelaksanaan KSPK Semakan 2017 dapat ditingkatkan. Ini kerana adalah tidak mencukupi dengan hanya satu sesi taklimat penyebaran KSPK semakan 2017 dijalankan oleh pihak KPM untuk menperjelaskan konsep dan memahamkan reka bentuk kurikulum ini. Kajian Siti Fatimah Ali dan Najeemah Mohd Yusof (2012) dan Mohd Asnorhisham Adam dan Abdul Rahim Hamdan (2017) mendapati betapa pentadbir sekolah dan KPM mahukan murid-murid lepasan prasekolah untuk menguasai kemahiran asas yang telah dinyatakan dalam Dokumen Standard Prasekolah Kebangsaan, namun penekanan lebih kepada penguasaan LINUS.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, adalah dicadangkan supaya perkara berikut diberi perhatian bagi memastikan guru prasekolah dapat meningkatkan kompetensi yang diperlukan untuk cemerlang dalam melaksanakan KSPK Semakan 2017:

- i. menganjurkan kursus dan latihan berkaitan pentaksiran murid yang standard mengikut KSPK Semakan 2017
- ii. menyediakan Bahan Bantu Mengajar yang mencukupi seperti keperluan PdPc mengikut KSPK semakan 2017.

- iii. taklimat dan penerangan mendalam berkaitan konsep sebenar KSPK semakan 2017 kepada pentadbir sekolah, guru-guru arus perdana dan ibu bapa bahawa KSPK ini adalah berkaitan perkembangan menyeluruh bagi murid-murid yang meraikan fitrah bermain bagi seorang kanak-kanak dan pembelajaran yang meneyeronokkan.

## KESIMPULAN

Pelaksanaan kurikulum kesan perubahan sesebuah kurikulum yang baru bukanlah satu perkara yang mudah. Perubahan kurikulum secara langsung bukan sahaja melibatkan pelaksana kurikulum iaitu guru tetapi juga komuniti yang menerima impak daripada perubahan kutikulum tersebut. Maka, perhatian, penelitian dan pemantauan secara berterusan adalah perlu bagi memastikan hasrat kurikulum yang digariskan dapat mencapai sasarnya. Banyak halangan dan cabaran yang terpaksa ditempuhi untuk menjayakan misi dan visi KSPK semakan 2017 ini. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa semua peserta kajian mempunyai pandangan yang sama tentang beberapa perkara. Mereka berpandangan bahawa cabaran terbesar guru prasekolah apabila tidak mendapat sokongan untuk melaksanakan kurikulum baru ini daripada pihak pentadbir kerana salah faham tentang konsep dan elemen KSPK semakan 2017 daripada pelbagai pihak. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan diharap boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memberi sokongan yang lebih baik bagi sama-sama menjayakan visi dan misi KSPK semakan 2017 dan bukan hanya menyerah bulat-bulat kepada guru prasekolah semata-mata.

## PENGHARGAAN

Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), FP026-2017A

## RUJUKAN

- Ibrahim Hassan., Md. Nasir Ibrahim, Mohd Zaihidee Hj. Arshad & Jamilah Omar (2003). Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Kbsr. *Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran Pendidikan Seni Visual Kbsr*, (C).
- Chee, J., Mariani, M. N., R, N. M. M., Mah, C., Yusof, B., Kadir, A., & Nizam, S. (2000). the Preschool Curriculum Implementation Versus Problems. *The Preschool Curriculum Implementation Versus Problems*.
- Chee, J., Mariani, M. N., Othman, A. J., & Nor Mashitah, M. R. (2017). Understanding the content pedagogical knowledge among preschool teachers and application of developmentally appropriate practices in teaching. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*. <https://doi.org/10.21833/ijaas.2017.03.023>
- Dayana Farzeha Ali, Cheng, L. Y., & Mohd Nur Khafiz, H. (2014). Persepsi Guru-Guru Terhadap Sistem Kbsr Dan Kssr: Satu Tinjauan Dari Aspek Kurikulum , Kesedian Guru Dan Pelaksanaannya. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan*.
- Erma Abu, N., & Kwan Eu, L. (2014). Hubungan Antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 2(1), 1–10.
- Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman Syed Ali. (2011). Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Dan Inovaski Berkesan. *Masalah Pendidikan*.

Jabatan Pelajaran Johor. (2011, April). Jauhari:Transformasi Kurikulum Dan Implikasi Kepada Pemikiran Profesionalisme Guru. *Jabatan Pelajaran Johor.*

Jain Chee, (2017) *Penerokaan Pengetahuan Teknologi, pedagogi dan kandungan dalam kalangan guru prasekolah di daerah Sandakan, Sabah.* Disertasi Kedoktoran. Kuala Lumpur. Universiti Malaya

Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (2012) Laporan Pemeriksaan Kebangsaan Bertema Pendidikan Prasekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia

Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (2013) Laporan Pemeriksaan Kebangsaan Khas Pendidikan Prasekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia

Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (2014) Laporan Pemeriksaan Kebangsaan Pendidikan Prasekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia

Kamaruzaman, S., Ali, S., Jani, J., Som, H. M., Mohamed, M. F., Rauf, P. A., ... Idris, S. (2011). Tahap Perancangan Dan Persediaan Guru Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 Bagi Tunjang Kecergasan Fizikal. *Jurnal Pendidikan.*

Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Surat Pekeliling Iktisas KPM Bil. 7 Tahun 2016 - *Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan 2017)* [circularfile file 001418.pdf](#)

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Buku Penerangan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Kspk) (Semakan 2017).*

Mat Som, H., & Syed Ali, S. K. (2011). Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Dan Inovasi Berkesan. *Jurnal Masalah Pendidikan.*

Mohd Asnorhisham Adam & Abdul Rahim Hamdan. (2017). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* (18th Ed., Vol. 18).

Nooraini Abdul Rahim, & Abdul Halim Abdullah. (2017). Kesediaan Guru Matematik Sekolah Menengah Dalam Melaksanakan Proses Pembelajaran Dan Pengajaran Abad Ke-21. *Isu-Isu Pendidikan Kontemporari.*

Noor Miza Abdul Rahman. (2015). Pembinaan modul berdasarkan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid tadika. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.

Nur Athirah Ariffin, & Faridah Yunus. (2017). Kesediaan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Kbat Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran. *Simpposium Pendidikan Diperibadikan: Perspektif Risalah An-Nur (Sprin2017).*

Rosmah Abd. Ghani, & Mariani Md Nor. (2013). Pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Oleh Guru Prasekolah: Data Pliminery. *International Conference On Early Childhood Education.*

Sanitah Mohd Yusof & Norsiwati Ibrahim. (2012). Kesediaan Guru Matematik Tahun Satu Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah. *Journal of Science and Mathematics Education.*

- Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, & Manisah Mohd Ali. (2008). Faktor Ibu Bapa Dalam Kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak : Kajian Kes. *Mjli*, 5, 79–98.
- Siti Fatimah Ali, & Najeemah Mohd Yusof. (2012). Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Dalam Aplikasi Pendekatan Belajar Melalui Bermain. *Dp. Jilid*, 121(12), 4–9.
- Sukani, M. A. (2012). Laporan Eksekutif Ecers 2012 Ipg Kkb Pentaksiran ‘Kesediaan’ Di Prasekolah : Isu, Cabaran Dan Amalan. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan*.
- Suriana Ismail. (2012). *Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Mata Pelajaran Rekabentuk Dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah Di Malaysia*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tay Meng Guat, Kirar ak Sare, & Litat Bilung. (2015). Kesediaan Pelajar Institusi Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*.